

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) atas nasihat Bank Negara Malaysia (BNM) sedang menjalankan tinjauan singkat dalam talian terhadap pelanggan individu yang sedang atau telah menyertai Program Bantuan Bayaran Bersasar dari bulan Oktober 2020 hingga Disember 2021. Tinjauan ini bertujuan untuk mengekalkan hubungan proaktif dan berkesan dengan pelanggan kami. BMMB ingin memaklumkan dan menyediakan ruang untuk pelanggan menyemak syarat bayaran mereka bagi mengurangkan jumlah keseluruhan kos pembiayaan dengan cara meningkatkan ansuran bulanan dan memendekkan tempoh pembiayaan. Semakan ansuran bulanan atau/dan tempoh pembiayaan adalah pilihan dan tertakluk kepada status kewangan semasa dan keutamaan pelanggan.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah tujuan tinjauan ini dijalankan?

Tinjauan ini dijalankan untuk mengenal pasti pelanggan yang mempunyai peningkatan kemampuan kewangan dan berminat untuk memendekkan tempoh pembiayaan mereka selepas mendapat bantuan bayaran pembiayaan bagi mengurangkan keseluruhan kos pembiayaan.

2. Siapakah golongan sasaran untuk menyertai tinjauan ini?

Pelanggan BMMB yang pernah menerima bantuan bayaran pembiayaan bersasar semasa tempoh pandemik (dari bulan Oktober 2020 hingga Disember 2021) sebelum ini, tertakluk pada syarat berikut:

- i. Pelanggan yang mempunyai pembiayaan dengan kadar terapung; dan
- ii. Pelanggan yang mempunyai kemudahan pembiayaan perumahan dan/atau pembiayaan peribadi; dan
- iii. Akaun pembiayaan tidak mempunyai tunggakan semasa tempoh tinjauan dilaksanakan iaitu hingga Mac 2023.

3. Apakah manfaat kepada pelanggan yang menyertai tinjauan ini?

Pelanggan yang menyertai tinjauan ini berpeluang menyemak semula bayaran ansuran pembiayaan mereka untuk memendekkan tempoh pembiayaan bagi mengurangkan kos keseluruhan pembiayaan.

4. Bagaimanakah proses tinjauan ini akan dijalankan?

Pelanggan yang berada di dalam kategori di atas dinasihatkan untuk mengisi borang tinjauan dalam talian secara sukarela semasa tempoh tinjauan dan/atau pelanggan yang telah dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau/dan e-mel berkaitan tinjauan ini diminta menyertai tinjauan dalam masa tujuh (7) hari bekerja. Pelanggan yang telah menyertai tinjauan ini dan memilih untuk semakan semula syarat pembiayaan akan dihubungi dalam masa terdekat.

5. Adakah keputusan tinjauan ini akan mengakibatkan perubahan kepada pembiayaan saya secara automatik?

Tidak. Tinjauan ini hanya bertujuan bagi mengumpul maklumat pelanggan yang berminat untuk menyemak semula bayaran ansuran pembiayaan mereka. Pelanggan yang berminat akan dihubungi semula setelah tinjauan ini selesai dijalankan dan Bank akan memberikan maklumat terperinci berkaitan pembiayaan pelanggan. Perubahan kepada pembiayaan hanya akan berlaku setelah pelanggan menandatangani surat persetujuan untuk perubahan tersebut.

6. Adakah terdapat sebarang kos yang perlu ditanggung oleh pelanggan berkaitan perubahan bayaran pembiayaan tersebut?

Tiada sebarang kos dikenakan.

7. Bagaimanakah pelanggan boleh menghubungi Bank jika mempunyai pertanyaan lanjut berkaitan tinjauan ini?

Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di +603-26005500 atau kunjungi cawangan terdekat untuk penjelasan lanjut.

Following advise from Bank Negara Malaysia (BNM), Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) is conducting an online short survey of the retail individuals, who are still enrolled or had enrolled in the Targeted Payment Assistance Programme from October 2020 until December 2021. This survey is aimed at proactively maintaining effective engagement with our customers. BMMB would like to inform and provide convenient avenues for customers to review their payment terms in order to reduce the total financing cost by increasing the monthly instalments and shortening the financing period. The revision of monthly instalments or/and financing tenure is optional and subject to customer's current financial status and preferences.

FREQUENTLY ASKED QUESTION - ENGLISH VERSION

1. What is the purpose of this survey?

This survey is conducted to identify customers whose financial circumstances have improved and are interested in shortening their financing period after receiving payment assistance to reduce the overall cost of financing.

2. Who is the target group to participate in this survey?

BMMB customers who have previously received targeted financing payment assistance during the pandemic period (from October 2020 until December 2021), subject to the following conditions:

- i. Customers with floating rate financing; and
- ii. Customers who have home financing and/or personal financing facilities; and
- iii. Financing Account has no arrears during the survey period implemented i.e up to March 2023.

3. What are the benefits to customers who participate in this survey?

Customers participating in this survey will have the opportunity to revise their financing instalment payments by shortening the financing period to reduce the overall cost of financing.

4. How will this survey process be conducted?

Customers who are in the above category are advised to fill out the online survey form voluntarily during the survey period and/or customers who have been notified via short message service (SMS) or/and e-mail are asked to participate in the survey within seven (7) working days. Customers who participated in this survey and chose to review the financing terms will be contacted shortly.

5. Will the results of this survey automatically change the instalment of my financing account?

No. This survey is only intended to collect information from customers who are interested in revising their financing instalment payments. Interested customers will be contacted again after this survey is completed and the Bank will provide detailed information regarding the customer's financing. Changes to financing will only take place once the customer has signed a letter of consent for the change.

6. Are there any costs that the customer has to bear in relation to the change in the financing payment?

There is no cost.

7. How can customers contact the Bank if they have further questions regarding this survey?

Please contact our Customer Service Centre at +603-26005500 or visit our nearest branch for further clarifications.